

02/09/2001

Kerajaan tetap ambil alih sistem LRT

KUALA LUMPUR: Kerajaan masih lagi mengkaji terma-terma pengambilalihan kedua-dua pengendali sistem Transit Aliran Ringan (LRT) di Lembah Klang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun kata beliau, kerajaan tetap akan mengambil alih Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (STAR) dan Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (PUTRA) bagi menyusun semula sistem pengangkutan di kawasan itu dan memastikan perkhidmatan LRT dapat memberi kemudahan kepada orang ramai.

"Kita perlu memastikan yang terma-terma pengambilalihan itu memberi manfaat kepada negara dan orang ramai," kata beliau selepas merasmikan Kongres Pendidikan Melayu di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan akhbar yang menyatakan kerajaan sudah menggerakkan semula rancangan untuk mengambilalih kedua-dua pengendali LRT berkenaan dan menukar pinjaman tidak terbayar mereka kepada bon.

Kedua-dua syarikat berkenaan mendapati agak sukar untuk membayar semula pinjaman mereka ekoran jumlah penumpang yang rendah.

Laporan itu berkata kerajaan bercadang untuk memiliki 80 peratus daripada sistem aliran bandar, sementara bakinya kepada Renong Bhd, yang memiliki PUTRA, Taylor Woodrow Pls, dana pencen milik negara dan lain-lain pemegang saham.

(END)